

Pastikan Paya Rumput bersih

Mohamad Fazrul Abdul Majid

PAYA RUMPUT - Penduduk di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Paya Rumput diseru untuk bersama-sama berganding bahu dalam menjaga kebersihan kediaman masing-masing.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Paya Rumput Datuk Rais Yasin berkata, bagi merealisasikan hasrat itu, pihaknya bakal mengadakan gotong-royong perdana peringkat DUN Paya Rumput dalam masa terdekat.

Katanya, aktiviti itu bukan sahaja untuk memastikan Paya Rumput terhindar daripada isu sampah, bahkan turut memupuk semangat kerjasama di antara penduduk.

"Saya berharap warga DUN Paya

Rumput bersedia untuk gotong-royong ini kerana kita akan pilih lokasi tertentu untuk dilaksanakan program ini.

"Isu kebersihan amat penting memandangkan kes demam denggi semakin meningkat di negeri ini.

"Jadi, kita akan pastikan segala isu kebersihan yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan penduduk diberi perhatian serius," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Rais yang juga Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri berkata, selain di peringkat DUN, pihaknya juga akan mengadakan Gotong-Royong Perdana Negeri Melaka 2023 yang akan diadakan pada masa terdekat.



RAIS ketika menyertai operasi pembersihan bersama Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB). Foto: Rais Yasin